



Ayat Suci Minggu ini

Yesaya 50: 4-7

Mazmur 21: 8-9, 17-20, 23-24

Filipi 2: 6-11

Matius 26: 14 – 27: 66 (atau 27: 11-54)



“Hari Minggu Palma mengingatkan kita bahawa ... saliblah pohon kehidupan yang sejati.”

- Paus Benediktus XVI

Kisah Hari Minggu Palma membantu kita memahami jalan yang perlu kita tempuh. Tuhan kita datang dalam kerendahan hati, bukan dalam kemegahan dan upacara besar. Sebagai Raja, Dia tidak menakluk dengan kekuatan, tetapi melalui kasih, rahmat, belas kasihan, dan dengan mengorbankan nyawa-Nya sendiri demi umat-Nya. Dia bukan menakluk bangsa-bangsa, tetapi hati dan fikiran manusia. Pesan-Nya ialah damai yang berkekalan, bukan sekadar gencatan senjata sementara.

Apabila kita mengikuti Tuhan, kita juga akan menghadapi sejumlah penderitaan, penolakan, kesunyian dan kemungkinan kematian. Di mana dunia menghargai kuasa, kita harus menghargai kerendahan hati. **Di mana dunia mengutamakan kekuatan dan juga kekerasan fizikal, kita dipanggil untuk menjadi pembawa damai.** Di mana dunia menghargai populariti, kita harus bersedia menerima kritikan dan hinaan. Kita perlu menjadi tanda yang berbeza daripada arus dunia. Namun, kita mesti berjalan bersama Kristus tanpa takut dan tanpa ragu, kerana Dialah yang akan memimpin kita melalui “lembah kematian” menuju kehidupan kekal dalam Kerajaan Syurga.

Akhirnya, Raja dan Tuhan kita mengajar kita makna kasih yang sejati. Paus Leo menutup renungannya tentang orang miskin dengan meletakkannya dalam dasar kasih. “Kasih terutama ialah cara melihat kehidupan dan cara menghayatinya. Gereja yang tidak meletakkan batas pada kasih, yang tidak mempunyai musuh untuk dilawan tetapi hanya lelaki dan wanita untuk dikasihi, ialah Gereja yang diperlukan oleh dunia pada hari ini” (DT #120).

Dalam Misa ini, marilah kita berdoa memohon rahmat untuk terus berjalan dengan teguh bersama Yesus. Sorakan dan cemuhan manusia datang dan pergi, tetapi saya tetap berdiri bersama Raja yang sentiasa setia berdiri bersama saya dan yang menjanjikan ganjaran kepada semua yang setia kepada-Nya dan kepada Injil-Nya. Akan ada saat kita berasa mahu menyerah. Namun kita kembali mengingati janji Ahad Palma, janganlah mencari penghormatan duniawi daripada manusia yang tidak kekal, tetapi tetapkanlah hati kita pada kemuliaan syurgawi yang hanya dianugerahkan oleh Allah dan yang tidak akan pernah layu. Dalam Dia, kita akan menjadi satu.✠

EDARAN DALAMAN SAHAJA
BUL 13/2026

Sumbangan oleh: Pejabat Pembangunan Manusia Keuskupan Agung (AOHD)
Diterbitkan oleh: Archdiocesan Pastoral Institute (API) | Emel: api@archkl.org

NEWBEC

HARI MINGGU PALMA KISAH SENGSARA KRISTUS | 29 Mac 2026

RENUNGAN PRAPASKAH 6

BERJALAN BERSAMA KE ARAH SEBUAH GEREJA SINODAL DAN PROFETIK

Umat Untuk Pemuridan Misionari

FOKUS BULANAN: EKOLOGI: Memulihkan Rumah Kita Bersama



“Dalam Tuhan, Kita Adalah Satu”

Liturgi kita pada Hari Minggu Palma dan Minggu Suci mencerminkan kehidupan yang penuh dengan kontras pahit dan manis. Kita diberi gambaran awal sukacita Paskah, namun pada masa yang sama berhadapan dengan kenyataan suram Jumaat Agung.